

SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

MSM LAPOR KERUGIAN SELEPAS CUKAI (LAT) SEBANYAK RM49.7 JUTA UNTUK S3TK2024

*Mengekalkan keyakinan secara berhati-hati untuk prestasi penuh tahun ini dalam
keadaan positif*

KUALA LUMPUR, 21 November 2024 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara "Gula Prai", mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM49.7 juta bagi suku ketiga (S3) tahun kewangan berakhir Disember 2024 (TK2024), berbanding suku yang sama tahun lepas (S3TK2023) sebanyak RM36 juta. Ini disebabkan oleh peningkatan pesat dan ketara Ringgit berbanding Dolar AS (USD), mengakibatkan kerugian pertukaran mata wang asing dicatatkan pada suku tersebut.

Hasil bagi S3TK2024 meningkat kepada RM861 juta, tujuh peratus lebih tinggi berbanding RM807 juta bagi suku yang sama tahun lepas. Bagi 9M2024, hasil meningkat kepada RM2.60 bilion, meningkat 21 peratus berbanding RM2.14 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan hasil bagi 9M2024 adalah disebabkan oleh jumlah jualan tujuh peratus lebih tinggi dan Harga Jualan Purata (ASP) 14 peratus lebih tinggi.

Pada tahun dalam tinjauan, Kumpulan mencatatkan peningkatan dalam Faktor Penggunaan (UF) yang membawa kepada pengurangan kos penapisan. Walau bagaimanapun, kos pengeluaran pada tahun ini meningkat disebabkan oleh NY11, pertukaran mata wang asing dan kos pengangkutan yang lebih tinggi

"Pengukuhan jangka pendek nilai Ringgit berbanding Dolar AS menyebabkan terjemahan hasil daripada Dolar AS ke Ringgit yang lebih rendah, terutamanya daripada kontrak eksport kami. Langkah-langkah baharu telah diambil untuk mengurangkan impak yang serupa pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada terjemahan pertukaran mata wang asing adalah kerugian belum direalisasikan yang dikira mengikut pasaran, yang dijangka akan berbalik kepada keuntungan positif pada suku keempat," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

"Pada masa ini industri gula terus menerima insentif RM1/kg untuk Gula Kasar dan Gula Pasir Halus sejak November 2023, dengan MSM menerima 24,000 MT sebulan. Berbanding dengan kos pengeluaran sebenar, insentif RM1/kg hanyalah mencukupi untuk pulang modal bagi mengekalkan operasi industri gula. Penetapan harga gula tanpa insentif sekarang mewujudkan ketidakwajaran serius dalam ekonomi seperti yang telah dijelaskan di Parlimen

tahun lepas mengenai penapisan yang mengalami kerugian sebanyak RM0.88 sen/kg,” tambah Syed Feizal.

“Harga runcit gula di Malaysia sebanyak RM2.85/kg adalah yang terendah di rantau ini berbanding negara-negara Asia lain. Sebagai contoh, gula bertapis Indonesia dijual pada harga RM5.80/kg manakala Filipina sekitar RM9.00/kg. Kami yakin bahawa kerajaan akan mempertimbangkan dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan bagi segmen runcit domestik dalam memastikan keterjaminan makanan dan kemampanan jangka panjang industri ini. Melangkah ke hadapan, kami optimis dengan keputusan yang lebih baik pada suku keempat dan dijangka mengakhiri tahun ini dengan prestasi tahun ke tahun yang lebih kukuh.” jelas Syed Feizal.

MSM Gula Prai berbangga meraikan ulang tahunnya yang ke-60 tahun ini, menandakan enam dekad komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada Malaysia. Sejak penubuhannya, MSM Gula Prai telah memainkan peranan penting dalam industri gula negara, sentiasa menyediakan produk yang selamat, berkualiti tinggi, dah disahkan halal yang telah memberi manfaat kepada generasi rakyat Malaysia.

MSM Gula Prai telah menyokong perniagaan kecil dan besar, memainkan peranan utama dalam memenuhi pelbagai keperluan sektor makanan dan minuman (F&B). Dalam meraikan kejayaan penting ini, MSM Gula Prai teguh dengan komitmennya untuk terus berkhidmat kepada Malaysia bagi tahun-tahun yang akan datang.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula terkemuka negara dan penapisan gula ke-7 terbesar di dunia yang mengeksport ke 22 buah negara, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keterjaminan makanan Malaysia. Pertumbuhan MSM telah disokong oleh Kelestarian melalui rangka kerja ESG yang mantap yang disepadukan sepenuhnya ke dalam perniagaan dan operasi. MSM tersenari dalam Indeks FTSE4Good Bursa dan Syariah serta menduduki tempat ke-19 dalam Kecemerlangan Korporat Keseluruhan MSWG.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2023, MSM mengeluarkan sebanyak 992,000 tan gula bertapis, di mana 242,077 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM2.24 billion setakat 22 April 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com